

KURIKULUM KURSUS PERAMALAN EKONOMI JANGKA PENDEK BAGI KUMPULAN SOKONGAN 1 GRED 27-40

1. SINOPSIS KURSUS

Kursus ini bertujuan untuk memberikan pendedahan kepada peserta berkaitan maklumat Peramalan Ekonomi Jangka Pendek yang diukur melalui Sistem Penunjuk Malaysia, Penyiasatan Kecenderungan Perniagaan dan meramal prestasi kitaran ekonomi di Malaysia. Sistem Penunjuk Malaysia terdiri daripada tiga indeks komposit iaitu Indeks Pelopor, Serentak dan Susulan. Indeks-indeks ini adalah ringkasan ukuran yang dibentuk untuk menghasilkan isyarat perubahan tentang haluan aktiviti ekonomi Malaysia.

2. OBJEKTIF KURSUS

- i. Memberi pendedahan mengenai konsep Peramalan Ekonomi Jangka Pendek dan metodologi Sistem Penunjuk Ekonomi.
- ii. Meningkatkan pengetahuan kepada peserta tentang analisis dan kegunaan Sistem Penunjuk Ekonomi.
- iii. Memberi pendedahan tentang kerja-kerja penganalisan data bagi komponen sedia ada dan komponen baru.
- iv. Memberi pendedahan kepada peserta berkaitan Penyiasatan Kecenderungan Perniagaan di Malaysia.

3. TEMPOR/MASA

- i. Tempoh : 3 hari
- ii. Masa : 8.00 pagi hingga 5.00 petang

4. KUMPULAN SASARAN

Pegawai Gred 27-40

5. METODOLOGI PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN

- i. Kuliah dan latih amal.
- ii. Penilaian yang dijalankan dalam bentuk ujian bertulis dan soalan lisan.
- iii. Kuiz